

**Ahli Akademik, Industri Mesti Bekerjasama Untuk Manfaatkan Potensi Biotech, Kata Idris Jusoh Bernama 6 Mac, 2014**

PUTRAJAYA, 6 Mac (Bernama) -- Ahli akademik dan industri perlu bekerjasama untuk memanfaatkan potensi Bioteknologi yang boleh diaplikasikan dalam ekonomi, kata Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh pada Khamis.

Katanya bioekonomi dapat mewujudkan kira-kira 160,000 pekerjaan, menarik lebih daripada RM15 bilion pelaburan dan berpotensi untuk menyumbang lebih daripada RM40 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang 2020.

"Inilah masanya untuk merapatkan jurang antara ahli akademik dan industri supaya dapat menghasilkan keputusan untuk manfaat dan kelangsungan hidup negara.

"Apabila kita dapat menghubungkan kedua-dua institusi pendidikan dan sektor swasta, kita akan berjaya merealisasikan potensi bioekonomi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan 'Science to Action (S2A)' pada seminar Bioekonomi di sini.

Idris berkata seminar ini adalah antara usaha untuk meningkatkan kerjasama.

Seminar ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan Pogram Transformasi Bioekonomi selaras dengan inisiatif S2A dalam meningkatkan kerjasama antara institusi pendidikan dan sektor swasta untuk pembangunan sains, teknologi dan inovasi, terutama dalam industri berasaskan bio.

Sementara itu, Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof Emiritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid berterima kasih kepada BiotechCorp kerana mengambil inisiatif untuk membantu merealisasikan program S2A dalam sektor bioekonomi.

"Bioekonomi telah menjadi faktor penggerak utama dan menyampaikan hasil yang diperlukan industri.

"BiotechCorp akan terus bergerak dan membina perniagaan Bioteknologi dan mendorong sektor itu untuk terus ke hadapan," kata Zakri yang juga Pengerusi BiotechCorp.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019881>